

01/09/1997

Di Ambang Merdeka capai matlamat

BUKAN sekadar hiburan. Pengisian Konsert Di Ambang Merdeka tidak setakat menghiburkan lebih 20,000 penonton tetapi turut mengajak mereka menghayati erti kemerdekaan.

Disebalik jerit ketawa dan hingar-bingar di Padang Kelab Diraja Selangor, penonton diajak menghayati, menginsafi dan mensyukuri erti kemerdekaan.

Semua itu digambarkan oleh artis yang mengambil bahagian iaitu Datuk SM Salim, Zainal Abidin, Siti Nurhaliza dan Raihan.

Tidak ketinggalan juga kumpulan koir Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan penari Kompleks Budaya Negara (KBN).

Konsert Di Ambang Merdeka dimulakan dengan penceritaan ringkas mengenai sejarah negara oleh pengacaranya, Ahmad Tarmimi Siregar dan Tiara Jaquelina.

Selepas itu ditampilkan persembahan koir ASK yang menyanyikan lagu patriotik termasuk Setia, Malaysia Berjaya dan Bendera Kita.

Suasana sunyi seketika apabila orang ramai diajak oleh Ras Adiba Radzi menghayati sajak yang dibacanya berjudul Perjuangan Yang Belum Selesai.

Konsert itu juga menyelitkan persembahan ekspresi gendang dengan lontaran suara bersemangat dan harmoni yang menggambarkan jitunya perpaduan masyarakat Malaysia.

Sekali lagi, suasana sunyi seketika dengan kemunculan Raihan yang membawakan lagu Puji-Pujian, Subhanallah dan Iman Mutiara yang mengajak penonton mengamati kebesaran dan kekuasaan Allah.

Suasana menjadi riuh semula dengan kemunculan Zainal Abidin yang mendendangkan lagu Tumandang Kito dan Insaf.

Dia kemudian berduet bersama SM Salim menyanyikan lagu Satu.

Selepas mempersembahkan lagu Apa Dah Jadi, SM Salim berpasangan dengan Siti Nurhaliza menyanyikan lagu Melayu asli, Anak Tiung.

Siti Nurhaliza pula membawa lagu Aku Cinta Pada Mu.

Konsert itu berakhir dengan persembahan dramatari yang turut menyelitkan unsur warisan budaya masyarakat Melayu, wayang kulit dan makyung.

Hadir sama di konsert itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah yang mengisytiharkan nama bendera Malaysia, Jalur Gemilang menjelang detik 12 malam.

Turut hadir Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Dr Suleiman Mohamad; dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

(END)